

26/10/2002

Mesyuarat parti wakili kaum Cina jadi misteri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mesyuarat kedua parti komponen mewakili kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) hari ini dikendalikan dengan penuh misteri dan tertutup sehingga pelbagai helah digunakan untuk mengabui wartawan membuat liputan.

Walaupun media tidak dimaklumkan mengenai mesyuarat kedua itu selepas mesyuarat pertama pada Rabu lalu, beberapa wartawan tahu mengenainya menerusi sumber dan menunggu di lobi Hotel Equatorial di sini, lokasi mesyuarat itu dijangka diadakan.

Bagaimanapun, pihak hotel memaklumkan bahawa tempahan bilik mesyuarat sudah dibatalkan, manakala beberapa wartawan mendapat maklumat baru mengatakan mesyuarat diadakan di Hotel Nikko.

Semua wartawan bergegas ke hotel berkenaan dan dimaklumkan mesyuarat dimulakan jam empat petang.

Ketika menunggu, seorang kakitangan hotel memberitahu wartawan bahawa pemimpin parti yang hadir menyelinap keluar menerusi pintu belakang dan meninggalkan hotel.

Berikutan itu, kebanyakan wartawan membuat andaian bahawa mesyuarat itu gagal mencapai persefahaman dan pemimpin terbabit enggan membuat sebarang ulasan mengenainya.

Difahamkan, mesyuarat hari ini disertai 14 pemimpin mewakili MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Selasa lalu, Dewan Tertinggi BN sepakat melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada lima parti Cina untuk merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Mesyuarat yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju parti mewakili kaum Cina berbincang sesama mereka dalam tempoh seminggu bagi mendapatkan pendekatan terbaik.